



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
PROJEK *REGIONAL CLUSTER FOR RESEARCH AND PUBLICATION* (RCRP)  
TAHUN 2016**

**BAHAGIAN 1 - PERMOHONAN**

**1.1 LATAR BELAKANG**

Projek ini diperkenalkan sebagai satu usaha bagi membina kerjasama keserakanan antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan UMS. Projek ini juga dijalankan bagi menyahut saranan KPM yang memperkenalkan RCRP sebagai inisiatif baharu bagi mengadakan kolaborasi dengan Universiti Penyelidikan (UP) dan universiti awam lain, khususnya dalam aspek penyelidikan.

**1.2 TEMA PENYELIDIKAN**

UKM telah menyenaraikan beberapa tema penyelidikan berdasarkan tujuh (7) cabaran perdana sebagai fokus bidang penyelidikan antara UMS dan UKM. Tema penyelidikan tersebut adalah seperti berikut:

- a. Malaysia Sihat;
- b. Malaysia Lestari;
- c. Pemeraksanaan B40;
- d. Integrasi ASEAN;
- e. Akal Budi Melayu;
- f. Pengukuhan STEM; dan
- g. Islam Kontemporari.

**1.3 BIDANG PENYELIDIKAN**

Pembiayaan geran ini adalah untuk projek penyelidikan meliputi bidang asas yang dapat menyokong agenda strategik negara seperti berikut:

- a. Sains Tulen
- b. Sains Gunaan
- c. Teknologi dan Kejuruteraan
- d. Sains Kesihatan dan Klinikal
- e. Sains Sosial
- f. Sastera dan Sastera Ikhtisas
- g. Sains Tabii dan Warisan Negara

**1.4 DEFINISI**

Projek *Regional Cluster for Research and Publication* (RCRP) ialah projek penyelidikan yang dijalankan di antara UKM sebagai peneraju kluster dengan penglibatan dari UMS.

## **1.5 TUJUAN**

Projek ini adalah bertujuan untuk memantapkan penjanaan teori, idea baru dan perkongsian teknologi antara universiti bagi meningkatkan perkembangan sempadan ilmu. Output projek dijangka dapat menyumbang kepada hasil penyelidikan yang berimpak tinggi dan strategik kepada Negara.

Di samping itu, projek ini juga adalah bertujuan untuk:

- a. meningkatkan jumlah dan kualiti penyelidikan;
- b. meningkatkan jumlah dan kualiti penyelidik;
- c. meningkatkan jumlah MoA yang dikira dalam pencapaian MyRA UMS serta UKM; dan
- d. meningkatkan jumlah penerbitan.

## **1.6 JENIS KOLABORASI PENYELIDIKAN**

Senarai kolaborasi penyelidikan yang boleh dibuat adalah seperti berikut:

- a. Kerjasama dalam bidang penyelidikan;
- b. Kerjasama penerbitan;
- c. Perkongsian penggunaan kemudahan dan peralatan penyelidikan yang ada di UMS dan UKM;
- d. Pembangunan sumber manusia melalui latihan, sangkutan, praktikum dan perkongsian/pertukaran kepakaran;
- e. Pembangunan usahawan dan pengkomersilan;
- f. Kerjasama penganjuran aktiviti persidangan, seminar, bengkel dll;
- g. Kerjasama lain yang menguntungkan kedua-dua belah pihak dari semasa ke semasa.

## **1.7 SILING PERUNTUKAN**

- 1.7.1 Siling peruntukan yang diluluskan akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan dan sasaran hasil kerjasama yang dijanjikan.
- 1.7.2 Pihak UMS dan UKM masing-masing akan membiayai 50% peruntukan bagi setiap projek kolaborasi penyelidikan tersebut.
- 1.7.3 Sebarang perubahan ke atas siling yang ditetapkan adalah tertakluk kepada persetujuan bersama kesemua pihak.

## **1.8 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

Syarat-syarat permohonan Projek RCRP adalah seperti berikut:

- 1.8.1 Penyelidikan terbuka kepada penyelidik daripada UKM.
- 1.8.2 Ketua Projek
  - a. Ketua Projek RCRP mestilah merupakan kakitangan akademik (penyelidik muda) dari UMS, iaitu Gred DS51 dan DS52;
  - b. Memilih sekurang-kurangnya seorang kakitangan akademik tetap (Profesor dan Profesor Madya) dari UKM sebagai mentor / penyelidik bersama dalam projek penyelidikan;

- c. Pensyarah yang cuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan; dan
  - d. Ketua Projek yang berpindah Universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua dan digantikan dengan kakitangan akademik tetap dari UMS.
- 1.8.3 Bidang kajian mestilah menyumbang kepada tema dan bidang penyelidikan yang ditetapkan serta mampu memberikan impak kepada Universiti dan Negara dan berpotensi untuk mendapatkan dana luar/antarabangsa.
- 1.8.4 Setiap pemohon hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) permohonan pada satu masa sahaja.
- 1.8.5 Tempoh penyelidikan
- a. Tempoh projek penyelidikan RCRP adalah selama dua (2) tahun;
  - b. Pemantauan projek akan dilakukan setiap enam (6) bulan. Sekiranya projek tidak menunjukkan kemajuan yang sepatutnya, ia boleh ditamatkan;
  - c. Penyambungan adalah tertakluk kepada prestasi projek yang memuaskan; dan
  - d. Jumlah dana yang diluluskan adalah untuk keseluruhan tempoh projek.

## **1.9 TATACARA PERMOHONAN**

Semua permohonan termasuk kertas konsep hendaklah disemak dan diperakukan oleh Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti masing-masing. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak RMC sahaja yang perlu dimajukan kepada Urus Setia, Projek RCRP UMS. Borang yang telah lengkap diisi dan telah mendapat pengesahan oleh Dekan/Pengarah di Fakulti/Institut masing-masing hendaklah dihantar melalui RMC Universiti masing-masing ke alamat:

### **Pengarah**

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi  
Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu, Sabah  
(u.p.: Pn. Zainorah Matnoor)

No. Tel.: 088-320 000

No. Faks: 088-320 127

## **1.10 PERATURAN PERBELANJAAN**

- 10.1 Kesemua perbelanjaan di bawah skim geran ini hendaklah dibuat mengikut peraturan kewangan universiti dan peraturan-peraturan lain yang sedang berkuatkuasa.
- 10.2 Semua perbelanjaan yang digunakan sepanjang kolaborasi penyelidikan ini ditanggung sepenuhnya oleh institusi masing-masing (Contohnya, kos bagi penyelidik atau pelajar pascasiswazah UMS yang terlibat dalam penyelidikan/program sangkutan/pertukaran akan ditanggung sepenuhnya oleh UMS sepanjang tempoh penempatan di UKM).
- 10.3 Jenis-jenis perbelanjaan adalah seperti berikut:

#### **1.10.1 Vot 11000 (Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik dan Pembantu Penyelidik Siswazah)**

Melantik Pembantu Penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh UMS. Pelantikan ini perlu dihantar ke PPI, UMS untuk kelulusan.

#### **1.10.2 Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)**

- a. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam negara yang berkaitan dengan projek.
- b. Perjalanan ke luar negara perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah:
  - i. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang dipohon. Hanya ketua penyelidik sahaja dibenarkan bagi tujuan tersebut
  - ii. Perjalanan yang dibenarkan adalah berdasarkan perancangan yang telah diluluskan dalam Borang Cadangan Penyelidikan, dan ia tertakluk kepada prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh Universiti
- c. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40 peratus (40%) daripada jumlah keseluruhan projek.

#### **1.10.3 Vot 24000 (Sewaan)**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

#### **1.10.4 Vot 27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja yang dibenarkan.

#### **1.10.5 Vot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)**

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

#### **1.10.6 Vot 29000 (Perkhidmatan dan Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)**

- a. Perkhidmatan - Lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan;
- b. Perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis - Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus jangka pendek untuk mempelajari teknikteknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

#### **1.10.7 Vot 35000 (Aksesori dan Peralatan)**

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan. Pembelian Komputer/*Notebook* adalah tidak dibenarkan sama sekali.

## **1.11 JANGKAAN OUTPUT**

- 1.11.1 Satu (1) penerbitan berimpak tinggi dalam jurnal Q1 atau Q2 / 2 artikel dalam jurnal terindeks ISI WoS / 4 bab dalam buku / 1 buku penyelidikan dari Penerbit tersohor.
- 1.11.2 Sekurang-kurangnya satu (1) *Memorandum of Agreement* (MoA) antara UMS dan UKM.
- 1.11.3 Penghargaan kepada UKM dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
- 1.11.4 Semua penyelidik mestilah menghasilkan penerbitan dalam jurnal berindeks dan berimpak yang diambilkira dalam MyRA iaitu SCOPUS, ERA, WOS.
- 1.11.5 Penerbitan dalam empat penerbit jurnal yang tidak diiktiraf oleh MYRA, TIDAK akan diambikira sebagai hasil penyelidikan:
  - a. *European Journal*
  - b. *Academic Journal*
  - c. *CG Publishing*
  - d. *African World Press*
- 1.11.6 Jumlah artikel yang perlu diterbitkan mengikut bidang adalah seperti berikut :
  - a. Peruntukan sehingga RM140,000.00 - Menghasilkan sekurang-kurangnya empat (4) artikel dalam jurnal berindeks ISI/Scopus/ERA (diiktiraf oleh MyRA).
  - b. Peruntukan sehingga RM100,000.00 - Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) artikel dalam jurnal berindeks ISI/Scopus/ERA (diiktiraf oleh MyRA).
- 1.11.7 Menggalakkan hasil penyelidikan yang berpotensi untuk didaftarkan sebagai Harta Intelek dan dikomersilkan. Hak Intelek dan Pengkomersilan menjadi hak milik bersama, tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak.
- 1.11.8 Dua (2) orang pelajar Sarjana (seorang pelajar Sarjana daripada setiap Universiti).

## **BAHAGIAN 2 – PENILAIAN**

### **2.1 PENILAIAN**

- 2.1.1 Permohonan Projek RCRP dinilai oleh Jawatankuasa Penilai Geran Kolaborasi Penyelidikan UMS-UKM dan ahlinya adalah daripada UMS dan UKM yang dilantik mengikut Tema dan Bidang Penyelidikan yang telah ditetapkan.
- 2.1.2 Perakuan daripada Panel Penilai akan dimajukan ke Jawatankuasa Kewangan dan Penerbitan UMS untuk tujuan kelulusan.
- 2.1.3 Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain garis panduan yang berkaitan.
- 2.1.4 Keputusan permohonan adalah muktamad.

## **BAHAGIAN 3 – KEPUTUSAN**

### **3.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN**

- 3.1.1 Setelah mendapat kelulusan, penyelidik perlu menandatangani perjanjian kolaborasi penyelidikan sebelum pengagihan peruntukan dibuat.
- 3.1.2 Keputusan permohonan Projek RCRP UMS akan dimaklumkan kepada pemohon selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Penerbitan UMS diadakan.
- 3.1.3 Sekiranya lulus, surat kelulusan dikeluarkan beserta dokumen-dokumen berikut:
  - 3.1.3.1 Borang Pendaftaran Projek Penyelidikan (Borang R1); dan
  - 3.1.3.2 Borang Permohonan Penubuhan Akaun Amanah.
- 3.1.4 Ketua Projek diminta mengembalikan semula dokumen 3.1.3.1 dan 3.1.3.2 kepada PPI, UMS mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 3.1.5 Kegagalan untuk melengkapkan kesemua dokumen yang diperlukan dalam tempoh yang telah ditetapkan akan menyebabkan tawaran ini terbatal secara automatik (tanpa notis) melainkan penyelidik dapat mengemukakan sebab yang munasabah (secara rasmi/bertulis).

## **BAHAGIAN 4 – PEMANTAUAN**

### **4.1 IMPLEMENTASI PROJEK**

Semua projek yang diluluskan di bawah Projek RCRP UMS perlu dipantau dari aspek prestasi projek dan prestasi kewangan.

### **4.2 LAPORAN KEMAJUAN**

- 4.2.1 Laporan kemajuan perlu dihantar selepas enam (6) bulan dari tarikh mula projek menggunakan Borang Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan (Borang R10).
- 4.2.2 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti masing-masing.

### **4.3 LAPORAN AKHIR**

Laporan akhir perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek. Laporan akhir hendaklah menggunakan Borang Laporan Akhir Projek Penyelidikan (Borang R4).

## **BAHAGIAN 5 – LAIN-LAIN**

### **5.1 KETUA PROJEK BERHENTI**

Fakulti/Institut perlu memaklumkan kepada PPI, UMS tentang ketua projek yang telah / akan berhenti perkhidmatan di UMS. Projek yang diluluskan akan terus kekal di UMS dan tidak boleh dipindahkan ke Universiti lain.

## **5.2 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN**

Permohonan pelanjutan tempoh projek penyelidikan boleh dipertimbangkan sekiranya projek masih aktif dan terdapat aktiviti yang masih belum tercapai. Permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan Pelanjutan Tempoh Projek Penyelidikan (Borang R2). Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- a. Permohonan mestilah dikemukakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh tamat projek;
- b. Permohonan tidak boleh melebihi dua (2) kali sahaja;
- c. Tempoh pelanjutan adalah maksimum selama enam (6) bulan bagi setiap permohonan;
- d. Setiap permohonan perlulah disokong dengan Borang Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan (Borang R10) oleh Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti masing-masing; dan
- e. Permohonan yang disokong perlu dimajukan ke PPI, UMS untuk kelulusan.

## **5.3 KES KHAS**

Pertimbangan dan pengecualian dalam kes-kes tertentu boleh diberikan berdasarkan keperluan Universiti.

## **BAHAGIAN 6 – PERANAN**

### **6.1 PERANAN KETUA PROJEK**

Ketua Projek adalah bertanggungjawab untuk:

- a. Membuat permohonan;
- b. Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan;
- c. Menghantar Laporan Penilaian Prestasi dan Kemajuan Dana dan Laporan Akhir seperti yang dikehendaki dalam Garis Panduan Projek RCRP; dan
- d. Mengurus projek penyelidikan dan penyelidik.

### **6.2 PERANAN PENYELIDIK**

Penyelidik adalah bertanggungjawab untuk:

- a. Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan;
- b. Mengemukakan laporan Penilaian Prestasi dan Kemajuan Dana selepas (6) bulan dari tarikh mula projek kepada RMC Universiti masing – masing; dan
- c. Menghantar laporan akhir kepada RMC universiti dan PPI, UMS

### **6.3 PERANAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)**

RMC adalah bertanggungjawab untuk:

- i. Memudah cara dan memudah selia aktiviti permohonan dan pemprosesan seperti yang termaktub dalam Garis Panduan Projek RCRP;
- ii. Memantau kemajuan penyelidikan selaras dengan Garis Panduan Projek RCRP;
- iii. Menyokong permohonan tambah masa dan perbelanjaan projek sebelum dimajukan ke PPI, UMS.

#### **6.4 PERANAN JAWATANKUASA PENILAIAN**

Panel penilai adalah bertanggungjawab untuk:

- i. Menilai permohonan;
- ii. Menilai prestasi projek penyelidikan; dan
- iii. Membuat cadangan dan saranan bagi kelangsungan projek berasaskan kepada prestasi.

#### **6.5 PERANAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI, UMS**

PPI, UMS adalah bertanggungjawab untuk:

- i. Memastikan kecukupan dan kelestarian Projek RCRP;
- ii. Melantik panel penilai;
- iii. Meluluskan serta menawarkan projek kepada penyelidik yang berjaya;
- iv. Memastikan prestasi projek penyelidikan dalam keadaan baik; dan
- v. Meluluskan permohonan tambah masa dan perbelanjaan projek.